



KHUTBAH KHAS SEMPENA PILIHANRAYA:

“Tanggungjawab Memilih Pemimpin”

Cadangan Bacaan pada 18 November 2022M/ 23 Rabi'ulakhir 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فَقَدَّرَهُ تَقْدِيرًا، وَجَعَلَ مِنْهُمْ رَعِيَّةً وَأَمِيرًا ، وَدَبَّرَ الْأُمُورَ تَدْبِيرًا، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْقَائِلُ (... أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ

لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا) ،

وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، دَعَانَا إِلَى تَحْمُلِ الْمَسْئُولِيَّاتِ وَحِفْظِ الْأَمَانَاتِ، صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ إِلَى يَوْمِ الْحِسَابَاتِ، أَمَا بَعْدُ: فَاتَّقُوا اللَّهَ، عِبَادَ اللَّهِ، فِي الْمَسْئُولِيَّاتِ وَالْأَمَانَاتِ.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Pada hari yang penuh keberkatan ini, marilah kita memperteguh ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan menunaikan setiap perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang yang benar-benar bertakwa pasti akan memperoleh kebahagiaan hidup di dunia hingga akhirat. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka dan dilimpahi dengan rahmat serta kasih-sayang Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Pada musim pilihan raya ini semua lapisan masyarakat yang layak mengundi diwajibkan untuk menunaikan hak masing-masing sebagai



tanggungjawab kepada agama dan negara. Sebagai panduan kepada semua dalam menentukan hala tuju kehidupan bermasyarakat dan bernegara, maka bicara mimbar pada kali ini akan memfokuskan tajuk, **“TANGGUNGJAWAB MEMILIH PEMIMPIN”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Memilih pemimpin untuk menguruskan kemaslahatan manusia dan hal ehwal Islam adalah wajib. Atas sebab inilah, Islam begitu memandangkan berat soal kepimpinan dalam semua peringkat kehidupan. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ

Maksudnya: *“Apabila tiga orang berada dalam keadaan musafir, hendaklah mereka melantik salah seorang menjadi ketua.”*

(Riwayat Abu Daud).

Hadis ini menjelaskan bahawa pentingnya melantik pemimpin, bagi memastikan wujud keselarasan tindakan dalam kehidupan secara amnya. Oleh yang demikian, jangan kita mudah terpengaruh dengan dakwaan bahawa memilih pemimpin tiada kaitan dengan urusan agama dan kehidupan. Sedangkan pemilihan pemimpin merupakan satu bentuk penyaksian yang perlu dipenuhi dan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah pada hari akhirat nanti. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah al-Baqarah, ayat 282:

وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا

Maksudnya: *“...dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi...”*



Kewajipan kita sebagai salah seorang anggota masyarakat ialah memilih pemimpin terbaik yang mampu membawa kebaikan kepada agama, masyarakat, Negara dan umat Islam seluruhnya. Antara ciri-ciri pemimpin terbaik ialah orang yang berilmu pengetahuan yang luas, berkemampuan tubuh badan dan fizikalnya serta berintegriti yang tinggi. Sifat-sifat ini dapat dilihat pada peribadi Nabi Musa عَلَيْهِ السَّلَام, Nabi Yusuf عَلَيْهِ السَّلَام dan panglima Talut ketika mereka mula diberikan tanggungjawab. Firman Allah سُبحَانَهُ وَتَعَالَى tentang Nabi Musa عَلَيْهِ السَّلَام dalam surah al-Qasas ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia (Musa) menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.”

Firman-Nya lagi tentang pemilihan Talut sebagai pemimpin yang berupaya dan berilmu dalam surah al-Baqarah ayat 247:

قَالَ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَاهُ عَلَيْكُمْ وَزَادَهُ بَسْطَةً فِي الْعِلْمِ وَالْجِسْمِ

Maksudnya: “Nabi mereka berkata: “Sesungguhnya Allah telah memilihnya (Talut) menjadi raja kamu, dan telah mengurniakannya kelebihan dalam lapangan ilmu pengetahuan dan kegagahan tubuh badan.”

Manakala tentang kepimpinan Nabi Yusuf عَلَيْهِ السَّلَام pula, Allah سُبحَانَهُ وَتَعَالَى berfirman dalam surah Yusuf ayat 55:



قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَى خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ

Maksudnya: “Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sungguh pun negara kita memberi kebebasan dalam memilih pemimpin, namun kita diwajibkan memilih bakal pemimpin yang berilmu, berintegriti dan mampu membawa kesejahteraan kepada agama, bangsa dan Negara. Ibnu Abbas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ meriwayatkan bahawa Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

مَنْ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنْ عِصَابَةٍ وَفِي تِلْكَ الْعِصَابَةِ مَنْ هُوَ أَرْضَى لِلَّهِ مِنْهُ
فَقَدْ خَانَ اللَّهَ وَخَانَ رَسُولَهُ وَخَانَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Sesiapa yang melantik seseorang dari suatu golongan, sedangkan dalam golongan itu ada calon yang lebih disukai Allah darinya, maka dia telah mengkhianati Allah, Rasul-Nya dan semua orang yang beriman.”

(Riwayat al-Hakim)

Hadis ini selaras dengan larangan keras Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى supaya orang-orang yang beriman jangan sekali-kali mengkhianati Allah dan Rasul-Nya melalui firman-Nya dalam surah al-Anfal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu



mengkhianati amanah-amanah kamu, sedangkan kamu mengetahui (salahnya).”

Islam amat menekankan soal akhlak walaupun terhadap musuh dalam peperangan. Apatah lagi terhadap persaingan dalam pemilihan secara demokrasi. Sistem demokrasi itu sendiri diwujudkan supaya manusia bersaing mendapatkan kuasa secara aman, tanpa beradu tenaga dan senjata. Jangan pula kita menipu atau memfitnah, membuat provokasi, kata-kata kesat, menyinggung peribadi seseorang dan sebagainya dalam berkempen.

Strategi begini sangat bertentangan dengan sifat utama pemimpin iaitu sifat jujur. Walaupun perkara ini dipandang remeh, namun ia adalah berat dosanya di sisi Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Firman Allah dalam surah al-Nur ayat 15:

إِذْ تَلَقَّوْنَهُ بِأَلْسِنَتِكُمْ وَتَقُولُونَ بِأَفْوَاهِكُمْ مَا لَيْسَ لَكُمْ بِهِ عِلْمٌ
وَتُحْسِبُونَهُ هَيِّنًا وَهُوَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمٌ

Maksudnya: “Semasa kamu bertanya atau menceritakan berita dusta itu dengan lidah kamu, dan memperkatakan dengan mulut kamu akan sesuatu yang kamu tidak mempunyai pengetahuan yang sah mengenainya; dan kamu pula menyangkanya perkara kecil, pada hal ia pada sisi hukum Allah ialah perkara yang besar dosanya.”

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri bicara khutbah kali ini, dapatlah kita rumuskan beberapa pengajaran untuk penghayatan kita sebagai umat Islam, antaranya:

1. Umat Islam hendaklah beriman dan yakin bahawa pada hari akhirat



kelak Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* akan mempersoalkan semua amalan dan tindakan kita, termasuklah tanggungjawab memilih pemimpin.

2. Umat Islam hendaklah sentiasa menjaga akhlak sebagai seorang Muslim sepanjang berlangsungnya kempen pilihan raya.

3. Umat Islam hendaklah memilih pemimpin yang berintegriti, berilmu dan berkemampuan memikul tanggungjawab yang mampu membawa kesejahteraan kepada Negara supaya selamat dari berbagai kerosakan dan bala bencana dalam kehidupan ini.

*ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ
الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ*

Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).”

(Surah al-Rum : 41)

*بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالْحِكْمَةِ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا، إِنْ كَانَ صَوَابًا فَمِنَ اللَّهِ الْمَنَّانِ، وَإِنْ كَانَ خَطَأً فَمِنْ نَفْسِي وَالشَّيْطَانِ،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.*





خطبة كدوا بولن نوفمبر

2022M/ 1444H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَأْنِهِ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
[الأحزاب: 56]

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلَّم عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنًا فِي أَوْطَانِنَا، وَأَصْلِحْ وَاحْفَظْ أَيْمَتَنَا وَعُلَمَاءَنَا وَوُزَرَآءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا.
اللَّهُمَّ وَفِّقْهُمْ لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ
صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَىٰ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَكذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرِّبَا وَالزُّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta mengeluarkan zakat dan melaksanakan waqaf melalui agensi milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Wakaf Pulau Pinang (WPP). Bersama-sama kita sumbangkan 10% daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid kepada Tabung Wakaf yang telah ditubuhkan. Semoga infaq yang dihulurkan menjadi saham yang berkekalan manfaatnya, di dunia dan akhirat.



Ya Allah! Berilah petunjuk-Mu kepada kami dan pemimpin-pemimpin kami untuk memberikan khidmat bakti yang terbaik kepada agama, bangsa dan negara. Ya Allah! Kuatkan iman kami agar dapat menghindari perbuatan khianat, salah guna kuasa dan harta, memberi atau menerima rasuah dan segala perbuatan durjana yang merosakkan kepentingan agama, masyarakat dan negara. Jauhkan kami dari tergolong dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿١٠٢﴾

